

## Penyatuan semula UMNO

# RAZALEIGH

# BUKAN

*Renungan*

“DAN sesungguhnya Allah adalah pemberi petunjuk bagi orang-orang yang beriman kepada jalan yang lurus.” — Maksud Al-Quran/Alhaji 54.

MM - 4 OCT 1987

# PENGGHALANG

**K**OTA BAHARU 3 Okt. — **Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad** hari ini berkata bahawa beliau tidak menyifatkan **Tengku Razaleigh Hamzah** sebagai batu penghalang dalam usahanya menyatupadukan semula UMNO.

Sambil mengalu-alukan kesediaan **Tengku Razaleigh** untuk berjumpa dan menolongnya, Presiden UMNO itu menegaskan bahawa ketua bahagian **Gua Musang** itu boleh berjumpa beliau tanpa sebarang masalah dan tanpa sebarang syarat.

Bila para wartawan berkata tentulah **Tengku Razaleigh** tidak akan menemuinya jika tidak ada jemputan dari beliau, **Dr. Mahathir** berkata bahawa itu sudah menjadi satu syarat.

Bercakap dalam sidang akhbar di akhir lawatannya ke Kelantan petang ini, **Dr. Mahathir** menambah: “Dia nak

**Oleh Khalid Mohd.**

jumpa boleh, tidak ada masalah.”

Bila ditanya lagi sama ada beliau bersedia untuk menjemput **Tengku Razaleigh** berunding dengannya dalam satu forum lain, **Dr. Mahathir** berkata: “Itu sudah jadi syarat. Sama - sama kita apa nak jemput - jemput. Dulupun dia ada jumpa saya. Orang lain pun jumpa saya juga.”

Soal pertemuan dalam forum lain ini timbul kerana **Dr. Mahathir** dan **Tengku Razaleigh** tidak berkesempatan untuk mengadakan pertemuan empat mata bagi membincangkan masalah - masalah dalam UMNO sekarang.

Dalam kedua - dua perjumpaan tertutup semalam, **Tengku Razaleigh** hadir sebagai ketua - ketua bahagian yang lain dan tidak terdapat suasana yang sesuai untuk membolehkan satu perbincangan yang terus terang diadakan antara beliau dengan presiden parti.

Dalam sidang akhbar petang ini para wartawan telah memberitahu Perdana Menteri bahawa mereka telah menemui **Tengku Razaleigh** di sebelah pagi dan meminta

# -PM

beliau mengulas perkara - perkara yang Tengku Razaleigh sebut dalam pertemuannya dengan para wartawan itu.

Mengenai dakwaan Tengku Razaleigh tentang tindakan - tindakan menyingkir dan menukar para penyokongnya dari berbagai kedudukan, Dr. Mahathir memberitahu bahawa beliau tidak pernah mendengar Tengku Razaleigh berkata begitu dalam perjumpaan - perjumpaan yang diadakan.

"Jadi saya tidak bolehlah nak komen, soal lain saya tak ada komen," katanya.

Menjawab pertanyaan sama ada beliau memerlukan pertolongan Tengku Razaleigh dalam gerakan penyatuan semula parti, Dr. Mahathir berkata: "Kita perlukan pertolongan semua pihak, kalau satu pihak saja yang hendak tolongpun tak jadi juga."

Bila para wartawan cuba mengemukakan alasan - alasan yang diberikan oleh Tengku Razaleigh tentang kenapa beliau keberatan untuk jumpa Perdana Menteri tanpa jemputan, Dr. Mahathir berkata:

"Saya tidak mahu membahaskan perkara ini dalam akhbar atau pada peringkat umum. Perkara semacam ini lebih baik lagi diselesaikan secara senyap - senyap.

"Waktu Datuk Musa datang jumpa saya pun dia bagi tahu kepada saya awal. Saya tidak umumkan kepada akhbar dan diapun tidak bagi tahu akhbar. Dia datang berjumpa, kita cakap, itu saja."

Bila diberitahu bahawa Tengku Razaleigh menyifatkan dirinya sebagai "nobody" kerana beliau cuma seorang ketua bahagian Dr. Mahathir lantas menjawab:

"Datuk Musapun ketua bahagian juga. Dia datang jumpa saya.

"Datuk Abdullah Ba-

**LIHAT MUKA 7**

**SAMBUNGAN DARI MUKA 1**

## Razaleigh bukan penghalang — PM

dawi pun datang jumpa. Dia juga ketua bahagian.

"Saya jemput semua yang hendak jumpa saya. Tak ada masalah. Semua ahli parti yang hendak jumpa saya boleh jumpa."

Ditanya apakah beliau mahu Tengku Razaleigh mengambil langkah pertama ke arah pertemuan itu, Perdana Menteri berkata: "Tidak, tidak. Tidak pernah ada sebarang sebab untuk merasakan bahawa saya tidak mengalu - alukan

kedatangannya. Jadi, kenapa harus timbul soal siapa yang hendak melangkah dulu dan soal bola berada di gelanggang siapa. Ini bukan bolasepak."

Dr. Mahathir menarik perhatian, beliau sendiri menyebut nama Tengku Razaleigh dalam perjumpaan - perjumpaan semalam sedangkan nama ketua bahagian lain tidak disebut.

Ditanya sama ada Tengku Razaleigh membuat sebarang komen dalam per-

jumpaan - perjumpaan tersebut bila isu 12 ahli parti yang menyaman UMNO dibangkitkan, Dr. Mahathir menjawab:

"Tidak ada. Apa sebab dia hendak bagi komen?"

Dr. Mahathir bagaimanapun menegaskan bahawa perpaduan ahli - ahli di peringkat bawah adalah baik kerana mereka tidak memberi pandangan yang serius kepada pemilihan parti dan

sebagainya.

"Tapi mungkin ada yang terlibat dan kecewa. Mereka ini tidaklah mudah untuk rujuk balik, itu saja."

Beliau juga yakin ahli - ahli parti ini lebih faham tentang kedudukan dalam UMNO kerana beliau telah menjelaskan kepada mereka tentang masalah - masalah yang dihadapi oleh parti.